

STANDARD GURU MALAYSIA DALAM PROGRAM PERSEDIAAN GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI

Jamil Abd Baser¹, Nurul Syahada Mohd Suhaimi², Hasyamuddin Othman³, Azman Hasan⁴, Mohd Bekri Rahim⁵ & Mohd Faizal Amin Nur Yunus⁶

^{1,2,3,4,5,6} Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

*Correspondence: jamil@uthm.edu.my

Abstrak

Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan garis panduan kompetensi profesional keguruan yang perlu dicapai oleh setiap guru di Malaysia. SGM mengandungi tiga standard iaitu Standard 1 amalan nilai profesionalisme keguruan, Standard 2 pengetahuan dan kefahaman, serta Standard 3 kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan, tahap standard pengetahuan dan kefahaman serta tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian juga bertujuan mengenalpasti perbezaan kompetensi antara guru lelaki dan perempuan terhadap tahap SGM. Kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan borang soal selidik berskala Likert lima telah diedarkan kepada 155 orang responden. Responden kajian ini melibatkan pelajar dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (JPTV) di Institusi Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan Institusi Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Software Package for Social Science (SPSS) version 22.0. Hasil analisis menunjukkan nilai skor min keseluruhan bagi persepsi bakal guru RBT terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan adalah pada interpretasi tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 4.64. Seterusnya diikuti dengan skor min bagi persepsi bakal guru RBT terhadap tahap standard pengetahuan dan kefahaman serta tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang kedua-duanya turut memperolehi interpretasi tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 4.56 dan 4.60. Analisis tahap kompetensi bakal guru RBT berdasarkan kepada jantina pula menunjukkan tiada perbezaan persepsi antara lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati terdapat tiga standard di dalam SGM Standard 1 amalan nilai profesionalisme keguruan, Standard 2 pengetahuan dan kefahaman serta Standard 3 kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang perlu diterapkan dalam program latihan perguruan bagi menghasilkan guru RBT yang cemerlang dan kompeten.

Kata Kunci: *Standard Guru Malaysia, Institut Pendidikan Guru, Reka Bentuk dan Teknologi*

Abstract

Malaysia Teacher's Standard (MTS) is a guideline towards professionalism competency among teachers that are necessary to achieve by every teachers in Malaysia. MTS contained three standards stated as Standard 1 teacher's professionalism value practice, Standard 2 knowledge and understanding, as well Standard 3 teaching and learning skill. The purpose of this study is to identify the perception of Design and Technology teachers on the level of teacher's professionalism value practice standard, level of knowledge and understanding standard also the level of teaching and learning skill standard. Besides, this study also aims to identify the difference of competency level between male and female teachers on MTS level. This descriptive survey is using five Likert scale questionnaires and had been distributed to 155 respondents. The respondents of this study involved students from the Technical and Vocational Education Department (TVED) at Teacher's Education Institute Campus of Tun Hussein Onn, Batu Pahat and Teacher's Education Institute Campus of Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. The data obtained were analyzed using Software Package for Social Science (SPSS) Version 22.0. The result shows that the overall mean score for teacher's perception toward professionalism value practice standard level was at high interpretation with mean score of 4.64. Followed by the mean score for teacher's perception on knowledge and understanding standard level, also teaching and learning skill standard level which both obtained overall mean score of 4.56 and 4.60. The analysis of competency level by Design and Technology teachers based on gender indicates that there is no difference between male and female perception. The findings shows that there are three standard in Malaysia Teacher's Standard which Standard 1 teacher's professionalism value practice, Standard 2 knowledge and understanding also Standard 3 teaching and learning skill that need to be applied in teaching training program to produce excellent and competent Design and Technology teacher.

Keywords: *Malaysia Teacher's Standard, Teacher Education Institute, Design and Technology*

1.0 PENDAHULUAN

Kajian Idris dan Hamzah (2013) menyatakan, model Standard Guru Malaysia (SGM) adalah satu standard yang dapat menjadi penanda aras bagi guru dan bakal guru di Malaysia untuk melahirkan guru yang berkualiti. Dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, persediaan dan latihan yang intensif harus diberi penekanan untuk meningkatkan kualiti kompetensi guru seterusnya merealisasikan objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP). Elemen dalam SGM harus dijadikan panduan asas dalam perancangan dan latihan guru (Tamuri, Ismail, & Jasmi, 2012).

Dokumen Kurikulum Standard Reka Bentuk dan Teknologi turut menekankan tentang kemahiran yang diperlukan oleh guru-guru RBT dalam mengendalikan subjek ini. Guru perlu menyampaikan pengetahuan secara bersepadu dengan aktiviti yang hendak dijalankan kepada murid. Berbeza dengan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) subjek teori,

RBT memerlukan guru untuk meningkatkan kemahiran dalam keadaan yang sebenar (Sani, 2005). Oleh itu, kajian Harun (2014) telah menyatakan, untuk memastikan pelajar dapat menguasai matapelajaran RBT, guru perlulah mempunyai kemahiran pengajaran, pengetahuan subjek, menguasai bahan dan teknologi serta menggunakan Alat/Bahan Bantu Mengajar (ABBM) yang sesuai mengikut keperluan matapelajaran.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kajian Zanzali dan Asri (2010) mendapati bahawa kebanyakan guru pelatih tidak dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah dipelajari ketika dalam program persediaan guru ke dalam kelas sebenar semasa di sekolah. Faktor ini menunjukkan kebanyakan guru pelatih masih lagi kurang kemahiran dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian Harun (2014) juga mendapati masih terdapat guru yang tidak kreatif dalam menyampaikan proses PdP di dalam kelas atau di dalam bengkel. Keadaan ini menyebabkan pelajar sukar untuk memahami konsep dan kemahiran yang disampaikan oleh guru. Menurut kajian Hassan, Tamuri, Othaman, dan Mamat (2009), seorang guru perlu mempunyai keseimbangan antara intelek, rohani, emosi dan jasmani untuk menjadi contoh personaliti kepada pelajar. Namun, masih terdapat bakal guru yang mempunyai sikap negatif terhadap profesion keguruan seperti kurang komitmen kerja, kurang dedikasi dan tidak bertanggungjawab terhadap tugas.

Menurut kajian Sidin, Long, Abdullah dan Mohamed (2001), teknik pengajaran terutama mata pelajaran kemahiran hidup merangkumi subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) tidak dijalankan dengan betul. Ini kerana, pengajaran hanya berlaku di dalam kelas tanpa melibatkan amali dan praktikal di bengkel. Guru yang seharusnya menguasai, memahami dan mahir dalam sesuatu mata pelajaran yang akan diajar kepada pelajar serta arif berkenaan sistem pedagogi di dalam pengajaran yang dilakukan (Zanzali *et al.*, 2010). Di dalam kajian Tahir (2011), beliau mendapati guru yang tidak bersedia untuk mengajar akan menyebabkan para pelajar kurang memberi tumpuan ketika sesi pembelajaran dijalankan. Menurut Ee (2003), tahap kesediaan pedagogi guru atau tenaga pengajar yang kurang menjadikan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan.

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan perbincangan di dalam latar belakang masalah, kajian terdahulu mendapati terdapat masalah utama yang wujud dalam kalangan bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Masalah yang dikenal pasti adalah kurangnya amalan terhadap nilai profesionalisme keguruan dalam kalangan bakal guru. Selain itu, kajian terdahulu juga mendapati bakal guru masih lagi tidak dapat menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi yang akan diajar. Tambahan lagi, terdapat bakal guru RBT yang tidak dapat menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang telah digariskan dalam Standard Guru Malaysia iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, standard pengetahuan dan kefahaman, dan standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- (i) Mengenal pasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme keguruan.
- (ii) Mengenal pasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman mata pelajaran.
- (iii) Mengenal pasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran.
- (iv) Mengenal pasti tahap kompetensi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi berdasarkan kepada jantina.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- (i) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme guru RBT?
- (ii) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard pengetahuan dan kefahaman matapelajaran RBT?
- (iii) Apakah persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran matapelajaran RBT?
- (iv) Apakah tahap standard amalan nilai profesionalisme bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?
- (v) Apakah tahap standard pengetahuan dan kefahaman bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?
- (vi) Apakah tahap standard kemahiran pengajaran dan pembelajaran bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi di antara lelaki dan perempuan?

2.0 KAJIAN LITERATUR

Pendidikan boleh diibaratkan sebagai kunci kepada usaha dalam menghasilkan modal insan yang seimbang dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara secara lestari. Modal insan ini terhasil daripada proses pendidikan berkualiti selaras dengan keperluan negara menjelang abad ke-21 (Idris & Hamzah, 2012). Pendidikan berkualiti memerlukan guru yang mahir dan berkemampuan selaras dengan elemen Standard Guru Malaysia (SGM) yang menerangkan tentang perkara yang diperlukan dalam program persediaan guru.

2.1 Standard Guru Malaysia (SGM)

Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah yang proaktif dengan membangunkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai garis panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi pendidikan guru di Malaysia (Low *et al.*, 2016). Berdasarkan Dokumen Panduan Standard Guru Malaysia (SGM) cetakan pertama pada 2009 yang telah digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, SGM adalah bertujuan untuk menggariskan kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh setiap guru dan keperluan yang perlu ditekankan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi mencapai tahap kompetensi yang telah ditetapkan. Panduan

ini disediakan sebagai garis panduan dan rujukan kepada pihak yang terlibat terutamanya bakal-bakal guru dan institusi pendidikan guru untuk melahirkan dan melestarikan guru yang berkualiti.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan deskriptif yang menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Kajian tinjauan (*survey*) ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengkaji persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) terhadap Standard Guru Malaysia (SGM).

3.1 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Institut Perguruan (IPG) di sekitar Negeri Johor. Dua IPG telah dipilih iaitu IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat dan IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Pemilihan sampel bagi kajian ini adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ini kerana kajian hanya melibatkan pelajar di bawah Jabatan Kemahiran Hidup sahaja sebagai responden. Berdasarkan jumlah populasi yang akan diperolehi, sampel kajian akan dipilih dengan menggunakan kaedah tertentu. Populasi dan sampel kajian diterangkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Populasi dan Sampel Kajian

Lokasi	Status Sampel	Saiz Sampel Kajian Sebenar
IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.	Pelajar (JPTV)	115
IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bharu, Johor.	Pelajar (JPTV)	40
JUMLAH		155

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang akan dibincangkan di sini adalah hasil daripada analisis persoalan-persoalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Kajian ini menggunakan intrepretasi skor min yang telah dirumuskan seperti di bawah.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Selang Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

4.1 Analisis Persoalan Kajian Pertama : Apakah Persepsi Bakal Guru Reka Bentuk Dan Teknologi Terhadap Tahap Standard Amalan Nilai Profesionalisme Guru RBT?

Jadual 3 di di bawah menunjukkan analisis dapatan kajian bagi persoalan pertama dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan julat skor min bagi persepsi bakal guru RBT terhadap standard amalan nilai profesionalisme keguruan matapelajaran RBT berada di antara 4.54 hingga 4.72 dan menunjukkan semua (20 item) berada pada interpretasi skor min tinggi iaitu antara 4.01 hingga 5.00. Namun, item yang memperolehi skor min tertinggi ialah pada item 3 iaitu ‘Menegaskan kawalan disiplin semasa PdP’ dengan skor 4.72. Namun, masih terdapat nilai skor min yang menunjukkan nilai ketara tinggi iaitu pada item 2 ‘Menghubungjalinkan pengajaran dengan aktiviti harian pelajar’, item 4 ‘Bersedia menerima tanggungjawab’, dan item 19 ‘Menjalankan tugas sebagai seorang guru atas tanggungjawab membentuk generasi yang kompeten’. Jumlah skor min yang diperolehi oleh item 2, item 4, dan item 19 ialah 4.68.

Manakala item yang memperoleh skor min terendah ialah pada item 7 berkenaan ‘Hubungan baik antara bakal guru dengan komuniti setempat’ iaitu pada nilai skor 4.54. Terdapat item yang turut memperolehi skor min dalam kalangan terendah iaitu pada item 8 ‘Menjaga reputasi institusi pendidikan yang menyumbang kepada kemajuan murid’ dengan skor 4.57 dan pada item 9 ‘Menjaga reputasi pendidikan yang menyumbang kepada kemenjadian murid’ dengan skor 4.58. Namun skor min item-item ini masih dalam interpretasi skor min yang tinggi. Oleh itu, jumlah keseluruhan skor min bagi keseluruhan item dalam persoalan pertama ialah 4.64 dan nilai skor ini berada dalam interpretasi skor min tinggi.

Jadual 3: Skor Min Responden bagi Standard 1 Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Menerapkan unsur kerohanian dalam PdP.	4.61	0.61	Tinggi
2.	Menghubungjalinkan pengajaran dengan aktiviti harian pelajar.	4.68	0.51	Tinggi
3.	Menegaskan kawalan disiplin semasa PdP.	4.72	0.49	Tinggi
4.	Bersedia menerima tanggungjawab.	4.68	0.57	Tinggi
5.	Mempunyai hubungan yang baik dengan murid.	4.66	0.56	Tinggi
6.	Mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa.	4.62	0.59	Tinggi
7.	Mempunyai hubungan yang baik dengan komuniti setempat.	4.54	0.62	Tinggi
8.	Menjaga reputasi institusi pendidikan yang menyumbang kepada kemajuan murid.	4.57	0.52	Tinggi
9.	Menjaga reputasi pendidikan yang menyumbang kepada kemenjadian murid.	4.58	0.56	Tinggi
10.	Kompeten dalam aspek penilaian murid.	4.63	0.56	Tinggi

11.	Kompeten dalam aspek penilaian sekolah.	4.61	0.56	Tinggi
12.	Kompeten dalam aspek pembaikan berterusan sekolah.	4.62	0.57	Tinggi
13.	Kompeten dalam aspek pembaikan berterusan murid.	4.67	0.54	Tinggi
14.	Kompeten dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.	4.64	0.52	Tinggi
15.	Kompeten dalam menerapkan kesedaran etika murid.	4.67	0.57	Tinggi
16.	Kompeten dalam aspek perkembangan insaniah.	4.63	0.58	Tinggi
17.	Berpegang teguh kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan.	4.67	0.54	Tinggi
18.	Menerapkan nilai keyakinan kepada Tuhan dalam PdP.	4.63	0.56	Tinggi
19.	Menjalankan tugas sebagai seorang guru atas tanggungjawab membentuk generasi yang kompeten.	4.68	0.52	Tinggi
20.	Menerapkan elemen kepimpinan dalam proses PdP	4.65	0.49	Tinggi
Min Keseluruhan:		4.64		Tinggi

4.2 Analisis Persoalan Kajian Kedua : Apakah persepsi bakal guru RBT terhadap tahap Standard Pengetahuan dan Kefahaman mata pelajaran RBT?

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan kajian bagi persoalan kedua dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan julat skor min bagi persepsi bakal guru RBT terhadap Standard Pengetahuan dan Kefahaman ialah antara 4.50 hingga 4.65. Skor min tertinggi dikenalpasti pada item 19 ‘Kerja amali yang perlu dilaksanakan oleh murid dalam matapelajaran’ dan item 20 ‘Hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam mata pelajaran RBT’ dengan nilai skor min kedua-dua item pada nilai 4.63. Manakala, item 10 ‘Menguruskan kelas dengan kaedah yang sesuai’, juga menunjukkan nilai skor min yang tinggi dengan nilai 4.62 diikuti dengan item 14 ‘Matlamat Falsafah Pendidikan Negara’, item 16 ‘Sistem penilaian dalam mata pelajaran RBT’, dan item 18 ‘Sumber yang sesuai dengan mata pelajaran RBT’ dengan nilai skor min yang sama bagi ketiga-tiga item pada nilai min 4.61.

Skor min terendah ialah pada nilai 4.50 yang dikenalpasti pada item 5 ‘Sukatan pembelajaran untuk menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH)’ diikuti dengan item 4 ‘Rancangan Pembelajaran Tahunan (RPT) yang telah ditetapkan oleh Ketua Panitia’ dengan nilai skor min 4.51. Namun nilai skor min yang diperolehi masih lagi dalam interpretasi skor min tinggi. Manakala, skor min keseluruhan bagi persoalan kedua ialah 4.56 dan berada pada interpretasi skor min tinggi.

Jadual 4: Skor Min Responden bagi Standard 2 Pengetahuan dan Kefahaman

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Sukatan mata pelajaran RBT yang akan diajar dengan baik.	4.55	0.57	Tinggi
2.	Kandungan mata pelajaran RBT yang akan diajar mengikut bidang pembelajaran pengkhususan.	4.54	0.53	Tinggi
3.	Mengikut takwim persekolahan yang telah dirancang.	4.54	0.54	Tinggi
4.	Rancangan Pembelajaran Tahunan (RPT) yang telah ditetapkan oleh Ketua Panitia.	4.51	0.57	Tinggi
5.	Sukatan Pembelajaran untuk menyediakan Rancangan Pembelajaran Harian (RPH)	4.50	0.59	Tinggi
6.	Isi kandungan mata pelajaran yang akan diajar.	4.57	0.57	Tinggi
7.	Mod PdP yang sesuai dengan isi kandungan mata pelajaran RBT.	4.55	0.55	Tinggi
8.	Kaedah PdP yang sesuai dengan isi kandungan mata pelajaran RBT.	4.55	0.54	Tinggi
9.	Menguruskan kelas menggunakan mod pembelajaran yang sesuai.	4.55	0.54	Tinggi
10.	Menguruskan kelas menggunakan kaedah yang sesuai.	4.62	0.57	Tinggi
11.	Aplikasi teknologi dalam PdP mata pelajaran RBT.	4.58	0.55	Tinggi
12.	Kaedah penyampaian PdP matapelajaran RBT.	4.59	0.54	Tinggi
13.	Maklumat terkini tentang mata pelajaran RBT.	4.53	0.59	Tinggi
14.	Matlamat Falsafah Pendidikan Negara.	4.61	0.57	Tinggi
15.	Sistem pentaksiran dalam mata pelajaran RBT.	4.52	0.57	Tinggi
16.	Sistem penilaian dalam mata pelajaran RBT.	4.61	0.59	Tinggi
17.	Media yang sesuai dengan mata pelajaran RBT.	4.56	0.59	Tinggi
18.	Sumber yang sesuai dengan mata pelajaran RBT.	4.61	0.56	Tinggi
19.	Kerja amali yang perlu dilaksanakan oleh murid dalam matapelajaran RBT.	4.63	0.57	Tinggi
20.	Hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam mata pelajaran RBT.	4.63	0.52	Tinggi
Min Keseluruhan :		4.56		Tinggi

4.3 Analisis Persoalan Kajian Ketiga : Apakah persepsi bakal guru RBT terhadap tahap Standard Kemahiran Pengajaran dan pembelajaran?

Berdasarkan Jadual 5, analisis dapatan kajian bagi persoalan ketiga telah diperolehi. Analisis dilakukan dengan mengambil kira nilai skor min bagi setiap item. Analisis menunjukkan julat skor min bagi persoalan ketiga adalah antara 4.53 hingga 4.67. Skor min tertinggi adalah pada nilai 4.67 yang dikenalpasti pada item 20 'Komunikasi dengan murid semada PdP'. Diikuti dengan skor min 4.66 pada item 15 'Langkah-langkah keselamatan murid semasa melakukan kerja amali di bengkel'. Seterusnya, item 14 'Kerja-kerja amali di bengkel' dengan nilai skor 4.65 merupakan antara item yang mempunyai nilai min tertinggi.

Manakala, nilai skor min terendah adalah pada item 11 'Menilai hasil kerja murid berdasarkan latihan bertulis yang diberikan' dengan skor 4.53. Diikuti dengan skor min pada item 1 'Merancang PdP mata pelajaran RBT' dan item 7 'Menterjemahkan objektif pembelajaran kepada aktiviti PdP yang sesuai' dengan kedua-dua item memperoleh nilai skor 4.54. Purata min keseluruhan bagi 20 item dalam persoalan ketiga memperoleh nilai min 4.60 dan berada pada interpretasi skor min tinggi.

Jadual 5 : Skor Min Responden bagi Standard 3 Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Merancang PdP mata pelajaran RBT.	4.54	0.62	Tinggi
2.	Mengajar matapelajaranpengkhususan dalam RBT.	4.57	0.55	Tinggi
3.	Mempelbagaikan kaedah PdP untuk menarik minat murid.	4.60	0.58	Tinggi
4.	Mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam PdP.	4.56	0.57	Tinggi
5.	Meningkatkan tahap kemahiran murid dalam tugas amali RBT.	4.58	0.56	Tinggi
6.	Mengenalpasti kelemahan murid dalam mata pelajaran RBT.	4.57	0.60	Tinggi
7.	Menterjemahkan objektif pembelajaran kepada aktiviti PdP yang sesuai.	4.54	0.58	Tinggi
8.	Menekankan aktiviti pengajaran yang berpusatkan murid.	4.63	0.55	Tinggi
9.	Menguruskan kelas menggunakan teknologi yang sesuai.	4.61	0.56	Tinggi
10.	Menilai hasil kerja murid dalam tugas amali.	4.57	0.56	Tinggi
11.	Menilai hasil kerja murid berdasarkan latihan bertulis yang diberikan.	4.53	0.64	Tinggi
12.	Menerapkan kemahiran berfikir melalui PdP RBT.	4.61	0.55	Tinggi

13.	Melaksanakan PdP menggunakan teknologi terkini.	4.64	0.55	Tinggi
14.	Kerja-kerja amali di bengkel.	4.65	0.54	Tinggi
15.	Langkah-langkah keselamatan murid semasa melakukan kerja amali di bengkel.	4.66	0.55	Tinggi
16.	Menguruskan peralatan di bengkel RBT.	4.64	0.54	Tinggi
17.	Membuat demonstrasi penggunaan alatan di bengkel RBT.	4.64	0.52	Tinggi
18.	Mentaksir tahap penguasaan murid menggunakan rubric penilaian	4.59	0.59	Tinggi
19.	Menggalakkan murid berinovasi.	4.64	0.53	Tinggi
20.	Komunikasi dengan murid semasa PdP	4.67	0.52	Tinggi
Min Keseluruhan :		4.60		Tinggi

4.4 Analisis Persoalan Kajian Keempat : Apakah tahap Standard Amalan Nilai Profesionalisme bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan?

Analisis ini dilakukan untuk melihat persepsi antara jantina terhadap Standard 1 SGM : Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan dalam kalangan bakal guru RBT. Hipotesis telah diuji dan keputusan telah dicapai. Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan ujian Mann-Whitney U.

Jadual 6: Ujian Statistik *Mann-Whitney U* Persoalan 4

Standard 1 Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan	
Mann-Whitney U	2428.5
Wilcoxon W	4381.5
Z	-1.69
Asymp. Sig. (2-tailed)	0.09

a. Kumpulan Pembolehubah: Jantina

Jadual 7: Kedudukan

	Jantina	N	Kedudukan Min	Jumlah Kedudukan
Standard 1 Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan	Lelaki	62	70.67	4381.50
	Perempuan	93	82.89	7708.50
Jumlah		155		

Berdasarkan analisis ujian Mann-Whitney U di dalam Jadual 6, menunjukkan keputusan bagi persoalan keempat kajian. Analisis telah memperolehi nilai $z = -1.69$ dengan tahap

signifikan iaitu $(p) = 0.09$. Nilai p adalah lebih besar daripada tahap signifikan 0.05 ($p: 0.09 > 0.05$) menunjukkan keputusan yang tidak signifikan. Oleh itu, keputusan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap Standard Amalan Nilai Profesionalisme bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan.

4.5 Analisis Persoalan Kajian Kelima: Apakah tahap Standard Pengetahuan dan Kefahaman bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan?

Analisis ini dilakukan untuk melihat persepsi antara jantina terhadap Standard 2 SGM: Pengetahuan dan Kefahaman terhadap matapelajaran RBT dalam kalangan bakal guru RBT.

Jadual 8: Ujian Statistik *Mann-Whitney U* Persoalan 5

Standard 2 Pengetahuan dan Kefahaman	
Mann-Whitney U	2746.5
Wilcoxon W	4699.5
Z	-0.50
Asymp. Sig. (2-tailed)	0.62

a. Kumpulan Pembolehubah: Jantina

Jadual 9: Kedudukan

	Jantina	N	Kedudukan Min	Jumlah Kedudukan
Standard 2 Pengetahuan dan Kefahaman	Lelaki	62	75.80	4699.50
	Perempuan	93	79.47	7390.50
	Jumlah	155		

Berdasarkan analisis ujian *Mann-Whitney U* di dalam Jadual 8 menunjukkan keputusan bagi persoalan kelima. Dapatan kajian memperoleh nilai $z = -0.50$ dengan tahap signifikan (p) iaitu $(p) = 0.62$. Nilai p adalah lebih besar daripada tahap signifikan 0.05 ($p : 0.62 > 0.05$) menunjukkan keputusan yang tidak signifikan. Oleh itu, keputusan bagi persoalan kelima adalah tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap Standard Pengetahuan dan Kefahaman bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan.

4.6 Analisis Persoalan Kajian Keenam : Apakah tahap Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan?

Analisis ini dilakukan untuk melihat persepsi antara jantina terhadap Standard 3 SGM: Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran terhadap mata pelajaran RBT dalam kalangan bakal guru RBT.

Jadual 10: Ujian Statistik *Mann-Whitney U* Persoalan 6

Standard 3 Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	
Mann-Whitney U	2723.0
Wilcoxon W	4676.0
Z	-0.60
Asymp. Sig. (2-tailed)	0.55

a. Kumpulan Pembolehubah: Jantina

Jadual 4.11: Kedudukan

	Jantina	N	Kedudukan Min	Jumlah Kedudukan
Standard 3 Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	Lelaki	62	75.42	4676.00
	Perempuan	93	79.72	7414.00
	Jumlah	155		

Analisis ujian Mann-Whitney U di dalam Jadual 4.10 menunjukkan keputusan bagi persoalan keenam kajian. Dapatan kajian memperoleh nilai $z = -0.60$ dengan tahap signifikan (p) iaitu (p) = 0.55. Nilai p adalah lebih besar daripada tahap signifikan 0.05 ($p: 0.55 > 0.05$) menunjukkan keputusan adalah tidak signifikan. Oleh itu, keputusan bagi persoalan keenam menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan.

5.0 PERBINCANGAN

Perbincangan, cadangan dan kesimpulan adalah merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan sebelum kajian dilaksanakan. Perbincangan dilakukan untuk melihat sama ada dapatan kajian dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan atau sebaliknya. Cadangan dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan juga disertakan sebagai penambahbaikan dan kajian lanjutan pada masa akan datang. Manakala, kesimpulan bagi keseluruhan kajian dibuat bagi merumuskan kajian yang telah dijalankan.

5.1 Perbincangan Objektif Kajian Pertama

Objektif 1: Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan.

Menurut kajian Abd. Rashid (2003), beliau menyatakan bahawa guru merupakan penyambung antara teori dan amalan dalam sistem pendidikan. Teori disampaikan melalui kurikulum yang dibina tanpa mengabaikan elemen kepercayaan, nilai dan sikap yang menjadi pegangan seorang guru yang tinggi nilai profesionalisme keguruannya. Berdasarkan analisis data yang menilai persepsi bakal guru terhadap Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan menunjukkan keseluruhan skor min bagi setiap item berada pada tahap tinggi. Skor min maksimum adalah pada item 'Menegaskan kawalan disiplin semasa PdP'. Dapatan kajian menunjukkan bakal guru

sentiasa mementingkan kawalan disiplin pelajar sebagai salah satu elemen amalan profesionalisme keguruan.

5.2 Perbincangan Objektif Kajian Kedua

Objektif 2: Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman matapelajaran.

Di dalam kajian Said, Jamian dan Md. Sabil (2016), pengaruh pembangunan profesionalisme keguruan terhadap kualiti amalan pangajaran guru secara keseluruhannya menunjukkan kemajuan yang ketara dalam amalan pengajaran apabila guru-guru meningkatkan kepakaran dalam kandungan subjek, strategi pengajaran dan pengurusan bahan pengajaran. Berdasarkan analisis data yang telah diperolehi, skor min tertinggi adalah pada item yang menerangkan tentang pengetahuan dan kefahaman guru tentang hasil pembelajaran yang perlu dilaksanakan oleh murid dalam matapelajaran RBT. Kajian Noordin dan Matar (2010), menerangkan tentang ciri-ciri seorang guru yg berpengetahuan tinggi ialah menguasai subjek yang diajar, arif berkenaan tugasn yang peru diperlukan dalam matapelajaran, mahir dan berketrampilan dalam pedagogi serta memahami perkembangan pelajar.

5.3 Perbincangan Objektif Kajian Ketiga

Objektif 3: Mengenalpasti persepsi bakal guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Analisis skor min dalam dapatan kajian menunjukkan skor tertinggi adalah pada item yang menerangkan tentang kemahiran komunikasi dengan murid semasa PdP. Dapatan kajian ini selari dengan kajian daripada Johan dan Elias (2013) yang menyatakan bahawa sekolah merupakan tempat yang paling banyak berlakunya proses komunikasi terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan. Komunikasi dalam PdP berlaku apabila guru berinteraksi dengan murid, memeberi penjelasan, menyoal, meneguh, menegur, mengarah, menghampiri dan mengenakan amaran. Kelemahan komunikasi antara guru dan murid boleh menyebabkan objektif PdP yang dirancang akan gagal dan memberi kesan yang negatif terhadap tingkah laku pelajar. Guru perlu bijak dalam menyusun strategi agar proses berkomunikasi antara guru dan murid berlaku secara harmonis, saling membantu, hormat-menghormati dan tidak meninggalkan sebarang konflik.

5.4 Perbincangan Objektif Keempat

Objektif 4: Mengenalpasti tahap kompetensi bakal guru Reka Bentuk dan teknologi berdasarkan kepada jantina.

Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan terhadap tahap standard amalan nilai profesionalisme bakal guru RBT di antara lelaki dan perempuan. Hipotesis telah diuji dan hasil menunjukkan nilai signifikan lebih besar dari aras signifikan yang telah ditetapkan. Kajian telah menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan terhadap persepsi antara jantina berkenaan Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan bakal guru RBT. Dapatan kajian ini adalah

sama dengan hasil kajian daripada Johan dan Ilias (2013) yang menerangkan bahawa nilai profesionalisme seorang guru tidak bergantung kepada perbezaan jantina, malah kesanggupan seseorang bakal guru untuk mengamalkan kemahiran dan kemampuan, melahirkan sikap dan nilai-nilai yang diperlukan dalam profesion tersebut.

6.0 KESIMPULAN

Setelah membuat analisis data, kesimpulan dan cadangan dalam kajian ini, secara keseluruhannya keperluan pengetahuan dan amalan Standard Guru Malaysia (SGM) dalam kalangan bakal guru dan guru adalah sangat penting. Ini kerana, bakal guru RBT akan lebih kompeten, berpengetahuan dan mahir dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Standard Guru Malaysia (SGM) yang telah ditetapkan ini menjadi satu garis panduan kepada bakal guru dan guru-guru dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka dan menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kepada pencapaian pelajar. Sehubungan dengan itu, setiap latihan dan program pendidikan guru perlu merangka kurikulum pengajian berdasarkan standard dan komponen yang telah ditetapkan dalam SGM bagi melahirkan guru yang membantu dalam membangunkan modal insan cemerlang.

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dikaji untuk menjawab semua persoalan kajian yang telah ditetapkan. Sementara itu, cadangan dapatan kajian disertakan bagi tujuan penambahbaikan dapatan kajian yang akan menjadi bahan rujukan penting pelbagai pihak seperti yang dinyatakan di Bab 1 kajian. Selain itu, cadangan kajian lanjutan juga telah diberikan bagi membantu memberikan idea untuk pengkaji lain meneruskan kajian ini dan membuat penambahbaikan dari segi kaedah dan dapatan kajian. Diharapkan kajian ini dapat membantu memberikan maklumat dan rujukan kepada pelbagai pihak yang terlibat.

RUJUKAN

- Abd. Rashid, S. (2003). *Pemikiran Profesional Keguruan Terhadap Kurikulum dan Pengajaran. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003*, 8.
- Abdullah, S.N.A., & Razak, A.Z. (2016). Hubungan Dasar Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Peningkatan Profesionalisme Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, April 2016, Vol. 4, Isu. 1.
- Ee., M. A. (2003). *Pedagogi IV: Semester IV. Fajar Bakti*.
- Harun, Z., N. (2014). *Kompetensi Guru dalam Pengajaran Amali Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat*.
- Hassan, S.N., Tamuri, A.H., Othaman, I. & Mamat, M.S.(2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2), 2009 31 – 50.
- Idris N. & Hamzah R. (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*.
- Idris N.H., & Hamzah R. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*.
- Johan, O. M. & Ilias, S. Z. (2013). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion*

- Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM. *Educacion*, 53(9), 266276.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pada pautan : <http://www.moe.gov.my/my/profil-jabatan?div=59>
- Low, S. F., Zainuddin, A., & Ruhani, R. (2016). Standard Guru Malaysia : Tahap Pengetahuan Guru Pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Noordin, S., & Matar, M.S. (2010). Tahap Kefahaman Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Fizik. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Said, R. R., Jamian, A. R., & Sabil, M. A. (2016). Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InJET)* 2(2) November: 1 – 9 (2016).
- Sani, M.A. (2005). Tinjauan Awal Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Baru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Sekitar kawasan Skudai, Johor Bharu, Johor.
- Sidin R., Long J., Abdullah K., & Mohamed P, (2001). Pembudayaan Sains dan Teknologi: Kesan Pendidikan dan Latihan di Kalangan Belia di Malaysia. *Jurnal Pendidikan* 27 (2001), Pg: 35-45.
- Tahir, M.L. (2011). Tahap Kesiediaan Bakal Guru Tahun Akhir Perdana UTM (Kemahiran Hidup) Dalam Menceburi Profesion Perguruan.
- Tamuri, A.H., Ismail, M.f., & Jasmi., K.A. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT, Disember 2012, Vol. 2, Isu. 2, 53, ISSN: 2232 – 0474, E-ISSN: 2232 – 0482*.
- Zanzali, A., N. A. & Asri, A. H. (2010). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keyakinan Guru Pelatih semasa Menjalani Latihan Mengajar.